

APLIKASI KAEDAH FUZZY DELPHI DALAM PEMBINAAN ELEMEN DAKWAH BERTERASKAN METODOLOGI AN-NUBUWWAH TERHADAP NON-MUSLIM DI MALAYSIA

APPLICATION OF THE FUZZY DELPHI METHOD IN DEVELOPING ELEMENTS OF A DAKWAH BASED ON AN-NUBUWWAH METHODOLOGY FOR NON-MUSLIMS IN MALAYSIA

Nor Syahida Hashim^{1*}
S. Salahudin Suyurno²
Amiratul Munirah Yahaya³
Mohd Ridhuan Mohd Jamil⁴

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
(Email: norsyahida@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
(Email: ssalahud@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
(Email: amiratul@uitm.edu.my)

⁴Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Malaysia
(Email: mrhidhuan@fpm.ups.edu.my)

* Email: norsyahida@uitm.edu.my

Article history

Received date : 15-7-2025
Revised date : 16-7-2025
Accepted date : 15-9-2025
Published date : 17-9-2025

To cite this document:

Hashim, N. S., Suyurno, S. S., Yahaya, A. M., & Mohd Jamil, M. R. (2025). Aplikasi kaedah fuzzy delphi dalam pembinaan elemen dakwah berteraskan metodologi an-nubuwwah terhadap non-Muslim di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 37 - 56.

Abstrak: Membangunkan dakwah kepada sasaran non-Muslim memerlukan metodologi tepat dan terperinci bagi menghasilkan dakwah efektif dan berkesan. Dalam konteks masyarakat majmuk, kesesuaian metodologi dakwah amat diperlukan bagi memahami keperluan, persepsi, dan sensitiviti golongan sasaran. Pendekatan yang bijaksana bukan sahaja dapat menyampaikan mesej Islam dengan penuh hikmah, tetapi juga berpotensi memupuk keharmonian dan toleransi dalam kalangan masyarakat kepelbagaian di negara ini. Kajian bertujuan membangunkan elemen dakwah terhadap sasaran non-Muslim berasaskan metodologi an-nubuwwah dengan memberi penekanan konteks dakwah di Malaysia. Metodologi kajian menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) yang melibatkan 15 orang pakar terdiri daripada ahli akademik, pendakwah profesional, dan penggerak dakwah berpengalaman. Kaedah analisis data menggunakan triangular fuzzy number dapat menghasilkan kedudukan elemen, status elemen sama ada diterima mahu pun ditolak melalui proses 'defuzzification'. Manakala analisis data daripada kumpulan pakar menggunakan inovasi templet analisis FDMv2.0 yang melibatkan sembilan (9) langkah pelaksanaan. Hasil kajian mendapati kesepakatan elemen berteraskan lima konstruk berasaskan metodologi dakwah an-nubuwwah iaitu dakwah bil-hikmah, dakwah bil-hal, dakwah bil-mal, dakwah bil-lisan dan dakwah bil-qalam sesuai untuk diaplikasikan kepada sasaran non-Muslim di

Malaysia. Implikasi kajian ini memberikan sumbangan signifikan terhadap peningkatan keberkesanan strategi dakwah terhadap sasaran non-Muslim. Seterusnya ia memupuk kefahaman, keharmonian, dan kesedaran hidup bersama dalam negara (coexistence). Pembinaan elemen dakwah non-Muslim ini turut menjadi panduan kepada organisasi dakwah dalam merangka pendekatan yang komprehensif dan berkesan.

Kata Kunci: dakwah islamiah, non-Muslim, kaedah fuzzy delphi

Abstract: Developing da'wah aimed at non-Muslim audiences requires specific and well-defined methodologies to ensure that it is both effective and impactful. In a pluralistic society, it is crucial to choose dakwah methodologies that align with the needs, perceptions, and sensitivities of the target audience. An approach grounded in wisdom not only facilitates the effective conveyance of the Islamic message but also contributes to fostering harmony and tolerance among the diverse communities within the country. This study aims to develop the elements of a da'wah for non-Muslim audiences based on the an-Nubuwwah methodology, while emphasising the contextual realities of da'wah in Malaysia. This article employs the Fuzzy Delphi Method (FDM) involving 15 experts comprising academics, professional da'ies, and experienced practitioners in the field of da'wah. The data analysis employs triangular fuzzy numbers to determine the position and status of each element whether accepted or rejected it through the defuzzification process. The expert data analysis utilises in FDM v2.0 analysis template which consists of nine (9) implementation steps. The findings of the study indicate a consensus on elements derived from five constructs grounded in the methodology of da'wah an-Nubuwwah, which include da'wah bil-hikmah, da'wah bil-hal, da'wah bil-mal, da'wah bil-lisan, and da'wah bil-qalam, all of which are appropriate and effective for non-Muslim target groups in Malaysia. The implications of this study offer a significant contribution to the advancement of effective da'wah strategies aimed at non-Muslim communities. In addition, the findings promote interreligious understanding, social harmony, and the cultivation of national coexistence. The formulation of this da'wah for non-Muslims further provides a strategic framework for da'wah organisations to design holistic and impactful outreach approaches.

Keywords: Islamic da'wah, non-Muslim, fuzzy delphi method

Pengenalan

Islam adalah agama sejagat yang berteraskan kemanusiaan, terbuka kepada kepelbagaian, dan menerima peradaban pelbagai bangsa. Oleh itu, umat Islam perlu memahami konsep harmoni dalam berhubungan sesama manusia bagi menonjolkan keindahan Islam serta mengekalkan imejnya sebagai agama keamanan dan kesejahteraan. Berdakwah merupakan suatu proses komunikasi yang bersifat menyeluruh, bertujuan menyampaikan mesej ketuhanan serta membina peradaban manusia yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Hal ini kerana Islam menekankan komunikasi bukan sahaja sesama manusia, malah alam sekitar dan Tuhan (Hendra, 2021). Sehubungan itu, Al-Qaradhawi (1998) menjelaskan bahawa berdakwah bukan sekadar usaha membawa manusia kepada Islam, tetapi juga membina masyarakat berakhlak dan adil dalam kehidupan. Al-Quran telah memperkenalkan garis panduan jelas mengenai hubungan sesama manusia termasuk berinteraksi bersama non-Muslim. Menerusi surah al-Anbiya' (21:107) merakamkan asas interaksi sesama manusia yang menepati konsep 'rahmatan lil-alam' iaitu Islam satu agama yang memberikan rahmat sekalian alam.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksud (terjemahan):

"Dan tidaklah Kami mengutus engkau (wahai Muhammad), melainkan sebagai rahmat untuk sekalian alam."

Merujuk tafsir Ibn Kathir perkataan 'rahmat' merujuk kepada perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa rahmat kepada seluruh alam. Rahmat merangkumi perkara taufik dan hidayah, syariah, akhlak mulia, penghapusan segala kezaliman, serta membangunkan tamadun berteraskan tauhid. Sehubungan itu bagi manusia yang bersyukur akan memperoleh kebahagiaan, Sebaliknya, bagi manusia yang menolak dan mendustakan rahmat tersebut. Maka mereka akan mengalami kerugian dan kecelakaan di dunia dan di akhirat (ibnukatsironline.com). Manakala al-Qurtubi dalam menafsirkan perkataan "*al-ālamīn*" iaitu merangkumi rahmat terhadap semua makhluk yang berakal sama ada manusia dan jin (Al-Qurtubi, 2006). Nabi Muhammad SAW sebagai membawa risalah yang menyelamatkan mereka dari kesesatan, kezaliman, dan kehancuran. Demikian '*rahmatan lil a'lamīn*' menekankan misi kenabian yang membawa pelbagai rahmat dan kebaikan kepada semua makhluk, bukan hanya kepada umat Islam sahaja.

Menurut Sheikh Ali Jum'ah (2018) penonjolan contoh akhlak terpuji yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW tidak terhad kepada sesama Muslim sahaja, tetapi merangkumi seluruh manusia termasuk mereka yang beriman mahupun yang menentangnya. Panduan sirah *Nabawiyyah* terdahulu telah menyediakan beberapa metode dakwah yang berguna untuk Nabi Muhammad sebagai *khatam an-nubuwwah* dan peranan Baginda SAW sebagai seorang model *daie* unggul. Justeru itu, tugas utama dalam berdakwah adalah menerapkan nilai-nilai Islam dalam sesebuah masyarakat, sejajar dengan keuniversalan *rahmatan lil 'alamin* serta misi *an-nubuwwah*. Berhubung itu, para *anbiya'* telah diutus dengan membawa risalah Islam yang berteraskan tauhid sebagai asas keimanan dan kehidupan. Lantaran besarnya tanggungjawab ini, Allah SWT telah memilih individu terpilih dalam kalangan para nabi dan rasulNya, bermula dengan Nabi Adam AS sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW bagi melaksanakan amanah yang agung ini.

Hikmah melalui surah al-Anbiya'(21:107) menggambarkan bahawa Islam adalah agama yang bersifat universal (*rahmatan lil 'alamin*). Namun keuniversalan Islam hanya terpakai kepada ajaran yang sesuai dan boleh diterima oleh seluruh umat manusia. Oleh itu, tidak semua aspek ajaran Islam adalah bersifat universal terutamanya perihal ibadah serta perkara yang mengandungi nilai-nilai mutlak dalam agama itu sendiri. Justeru, kajian ini memahami konsep universal dalam Islam yang terbahagi kepada dua pembahagian utama iaitu pertama, kesatuan mutlak terhadap Tuhan (tauhid), merangkumi keyakinan yang utuh tanpa mengira ras, bangsa, atau sempadan geografi dan kedua, penegasan prinsip moral seperti keadilan, *mushawarah*, tolong-menolong, dan larangan terhadap perkara yang boleh membawa keburukan atau kemusnahan.

Hikmah Kepelbagaian Sebagai Ruang Dakwah Terhadap Non-Muslim di Malaysia

Warisan sejarah negara yang panjang telah membentuk komposisi kaum, budaya dan agama yang berbeza, akhirnya membentuk asas realiti masyarakat Malaysia hari ini. Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang didominasi oleh tiga kaum utama, iaitu Melayu (70.1%), Cina (22.6%) dan India (6.6%) dan lain-lain secara minoriti. Dari segi agama pula, masyarakat Malaysia terdiri daripada Islam (63.5%), Buddha (18.7%), Kristian (9.1%) dan Hindu (6.1%) dan (2.6%) mewakili lain-lain kepercayaan.

Menjelang tahun 2025, jumlah penduduk Malaysia dianggarkan seramai 34.2 juta, dengan 90.1 peratus (30.9 juta) merupakan warganegara, manakala 9.9 peratus (3.4 juta) adalah bukan warganegara (Department of Statistics Malaysia, 2025). Keunikan keadaan semasa ini secara tidak langsung telah membuka ruang yang luas terhadap dakwah masyarakat majmuk.

Beberapa isu sensitif telah menggugat keharmonian beragama di Malaysia, Zulkefli et al. (2021) telah menyenaraikan isu seperti penggunaan kalimah Allah oleh selain Islam, menggunakan istilah al-Quran dan Bahasa Arab, isu sijil halal oleh peniaga bukan Islam serta beberapa insiden konflik agama secara kritikal, termasuk pertembungan antara penganut Islam dan Hindu di Kampung Rawa pada tahun 1998 yang mengakibatkan pertumpahan darah serta kemusnahan harta benda, begitu juga kejadian demonstrasi isu 'Kepala Lembu' di Shah Alam sekitar tahun 2009 berhubung isu pemindahan kuil Hindu dalam kawasan majoriti Muslim. Kajian Mat Johar et al. (2021) turut mengupas kontroversi isu pencerobohan terhadap kebebasan beragama, apabila yang dilaporkan dalam Utusan Online, 2019; Malay Mail (2019) berkenaan aktiviti *street* dakwah yang dijalankan oleh NGO Islam serta penghantaran seratus orang pendakwah ke kawasan pedalaman Kelantan. Keadaan ini telah berlaku salah faham mengenai paksaan memeluk Islam. Begitu juga isu penganut Hindu melibatkan Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman di Jalan Masjid India serta kuil di Taman Koperasi Cuepacs, Kajang yang tidak mengikuti kelulusan pihak berkuasa (Malaysiagazette.com, 2025; Sinar Harian, 2024). Sehubungan itu, Perkara ini merupakan punca yang mengganggu kewujudan bersama secara aman dalam masyarakat Malaysia. Maklum mengetahui, kedudukan Islam dalam sistem kenegaraan Malaysia meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan sejak Perlembagaan 1957. Ditambah lagi dengan ketiadaan frasa '*Shall not imply that the State is not a secular State*' dalam deraf Perlembagaan menjelaskan bahawa negara ini tidak diasaskan sepenuhnya kepada prinsip sekular.

Setelah meneliti signifikan besar berdakwah ke atas sasaran non-Muslim di Malaysia, kajian melihat terdapat jurang ilmu dalam bidang dakwah non Muslim konteks di Malaysia, terutama dalam memberikan justifikasi keadaan segelintir non-Muslim yang masih belum dapat menerima Islam sebagai agama Persekutuan yang sah. Meskipun pelbagai inisiatif serta dasar yang dibina dalam negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Kebudayaan Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Bahasa Kebangsaan, Rukun Negara, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), sehingga membangun Malaysia Madani yang berteraskan 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian' sebagai teras utama (perpaduan.gov.my), Namun Zulkefli et al. (2021) yang menyatakan, perlu ukuran dan tahap pencapaian keharmonian dalam negara dengan menitik beratkan perbezaan demografi geopolitik dan latar agama yang berbeza. Kajian Mohamad et al. (2023), turut menegaskan kepentingan menganjurkan dialog antara agama bagi menjana idea perpaduan nasional serta masyarakat majmuk memerlukan modul khas sebagai panduan asas agar pelaksanaannya lebih terkawal dan berkesan. Seterusnya, cadangan Sabdin & Zulkefli (2023) menguatkan kajian ini dengan membentangkan, hasil peranan individu yang mempunyai pengetahuan agama serta personaliti beragama boleh mendorong seseorang mencapai tahap toleransi etnik dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Sorotan Literatur

Dakwah *an-Nubuwwah*

Allah SWT mengutuskan para Nabi bagi memenuhi keperluan manusia untuk menyampaikan petunjuk dari Ilahi. Manusia yang bersifat lemah amat memerlukan panduan daripada *al-Khalīq* untuk mengetahui tujuan hidup dan cara mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sehubungan itu, manusia juga memerlukan panduan *an-nubuwwah* bagi menjelaskan hukum dan etika dalam syariat Islamiyah. Selain itu, *qudwah al-hasanah* daripada para *anbiya'* turut menjadikan manusia meneladani akhlak dan perilaku, menunjukkan cara hidup yang sesuai dengan kehendak Allah SWT. Justeru para *anbiya'* hanya mengikuti jalan yang sama dalam mendidik dan membimbing umat manusia ke arah kebenaran. Hal ini dijelaskan dalam surah Yusuf (12:108), yang bermaksud:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

"Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku menyeru kepada Allah dengan ilmu yang yakin; Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk daripada golongan orang musyrik." (Yusuf 12: 108)

Menurut Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali (1990), jumhur ulama mazhab *al-Asha'irah* bersepakat bahawa konsep *an-nubuwwah* menjadi asas kepada istilah nabi, berikutan kemuliaan mereka yang melebihi makhluk-makhluk lain. Hakikat kenabian ini merangkumi dua dimensi utama: pertama nabi sebagai penyampai berita kepada manusia melalui akhlak yang luhur; dan kedua nabi sebagai individu yang dikurniakan kedudukan paling tinggi dan mulia di sisi Allah SWT. Sehubungan itu, konsep *an-nubuwwah* merupakan elemen penting dalam akidah Islam, merujuk kepada tanggungjawab individu yang dipilih oleh Allah SWT untuk menerima dan menyampaikan wahyu-Nya kepada umat manusia. Kepercayaan terhadap para nabi dan rasul merupakan salah satu daripada enam rukun iman yang wajib diimani oleh setiap Muslim.

Menurut ajaran *Ahlu Sunnah wal Jama'ah*, terdapat perbezaan yang jelas antara peranan nabi dan rasul. Nabi ialah individu yang menerima wahyu daripada Allah SWT untuk diamalkan secara peribadi, tanpa kewajipan untuk menyampaikannya kepada orang lain, sebaliknya, rasul ialah individu yang menerima wahyu dengan tanggungjawab untuk menyampaikannya kepada umat manusia. Berdasarkan pemahaman ini, dapat dirumuskan bahawa setiap rasul adalah juga seorang nabi, namun tidak semua nabi adalah rasul. Pandangan ini turut disokong oleh Al-Imam al-Bajuri (t.t) dan Syeikh Muhammad Ali al-Sabuni (1984) yang menjelaskan bahawa nabi ialah lelaki merdeka yang menerima wahyu untuk dirinya sendiri, manakala rasul menerima wahyu dengan perintah untuk menyebarkannya kepada masyarakat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kedudukan rasul lebih tinggi daripada nabi kerana mereka dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan wahyu kepada umat manusia.

Menurut M. Abduh (2012) tujuan berdakwah melalui perutusan para *anbiya'* terbahagi kepada dua aspek utama. Pertama, menyeru umat manusia agar beribadah semata-mata kepada Allah SWT sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat. Kedua, mengajak manusia untuk meninggalkan penyembahan terhadap selain Allah SWT serta meninggalkan segala bentuk pelanggaran terhadap hukum-hukum syariat-Nya. Justeru, membangunkan elemen dakwah dalam kerangka *an-nubuwwah* bukan sekadar penguasaan mendalam terhadap al-Quran dan

Sunnah Nabi, malah ia turut menuntut pemahaman yang tepat tentang kaedah berinteraksi dengan manusia secara berhikmah (Muhammad Al-Ghazali., 2000). Contoh model dakwah paling baik serta dapat membimbing para pendakwah adalah para Rasul *Ulul Azmi*. Hal ini telah terbukti dengan pelbagai ujian serta cabaran yang besar serta berjaya ditempuhi oleh mereka (Don & Kawangit, 2011; Siregar, 2021). Sehubungan itu, analisa terhadap karakteristik para *anbiya'* terus menjadi asas penting dalam membangunkan model dakwah yang berkesan terhadap sasaran. Dengan penuh keberkatan, kesungguhan, kesabaran, keteguhan *tawakkal* serta rasa syukur yang tinggi kepada Allah SWT merupakan antara ciri utama yang menghiasi perjalanan dakwah para *anbiya'*.

Menurut Don & Kawangit (2011), meskipun para *anbiya'* berdepan dengan pelbagai sasaran yang berbeza dalam penerimaan dakwah tauhid seperti golongan *al-mala'* (golongan elit), *al-ummah* (orang awam) dan *al-a'si* (pelaku maksiat) dan golongan non-Muslim (kaum Yahudi dan Kristian). Namun, prinsip seruan terhadap kesemuanya masih mengekalkan ketauhidan kepada Allah SWT. Keberkesanan dakwah para *anbiya'* telah membuktikan perubahan dari aspek kepercayaan serta amalan masyarakat Jahiliyah melalui pendekatan dakwah dalam al-Quran wajar diberikan perhatian oleh para pendakwah masa kini.

Metodologi An-Nubuwwah

Dalam al-Quran mengandungi banyak mesej dan pesanan berbentuk nasihat, kisah teladan serta cara pendekatan dakwah yang ditunjukkan oleh para *anbiya'* sebagai metodologi dakwah terbaik. Para *anbiya'* memperlihatkan peranan mereka sebagai pendakwah dengan menyeru kaum masing-masing ke jalan Allah SWT dengan pendekatan paling sesuai dan tepat. Antara asas metodologi dakwah yang diaplikasikan oleh para *anbiya'* sebagai panduan menerusi surah (An-Nahl 16: 125). Firman Allah SWT :

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: "Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah, dan nasihat yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dia juga lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk."

(An-Nahl 16:125)

Secara asasnya, al-Quran menggariskan tiga prinsip di atas sebagai kerangka metodologi dakwah yang menjadi teras perkembangan metode dakwah yang lebih kontemporari. Salamon (2009) menghuraikan pendekatan *al-hikmah* seperti cerminan metode kenabian yang sejajar dengan nilai-nilai wahyuNya. Menerusi metode ini, pendakwah dapat membina ciri-ciri kesabaran, lemah lembut, keadilan, kebijaksanaan serta kebenaran. Berhikmah juga melibatkan tiga aspek yang perlu diperhalusi iaitu pertama, peribadi pendakwah yang mencontohi sifat para *anbiya'* seperti amanah, benar, bijaksana dalam menyampaikan ilmu. Keduanya, berhikmah dengan mesej atau isi kandungan dakwah yang bersumberkan dalil-dalil yang absah serta menjauhi keraguan. Terakhir, aspek ketiga adalah berstrategi dalam memilih alat dakwah atau medium bersesuaian dengan sasaran dakwah. Melalui pemilihan medium dakwah yang tepat akan mencapai matlamat utama dakwah iaitu menyebarkan kebaikan dan mencegah kemungkaran (Che Hasanusi & Osman, 2022).

Seterusnya, metode *al-maw'izah al-hasanah* dalam tafsir *al-Mishbah* dinisbahkan kepada golongan awam, iaitu dengan cara memberikan nasihat yang baik, perumpamaan yang mampu menyentuh jiwa serta disampaikan mengikut tahap pemahaman yang sederhana (Shihab, 2002). Pandangan yang sama dinyatakan oleh Sayyid Qutb iaitu *al-maw'izah al-hasanah* perlu dinasihati dengan tutur kata yang lembut dan menyentuh hati sasaran. Sementara itu, Rauf Syalabī menjelaskan melalui perbuatan pula, metode *al-maw'izah al-hasanah* perlu disampaikan kisah-kisah yang dapat menjadi pedoman serta mendidik masyarakat dalam mentaati perintah Allah serta menjauhi larangan-Nya (Che Hasanusi & Osman, 2022). Namun, metode ini tidak semestinya bersifat lembut dalam semua keadaan, tetapi ia perlu disesuaikan dengan suasana dan tahap penerimaan sasaran agar mesej dakwah disampaikan lebih berkesan.

Asas metode berikutnya adalah *al-mujādalah* merupakan metode yang biasanya digunakan terhadap sasaran yang jauh, di samping sasaran dakwah yang tidak dapat didekati melalui pendekatan hikmah atau nasihat biasa. Menurut Sayyid Qutb yang dipetik oleh kajian Said (2015) anjuran berdebat dengan cara terbaik (*jidāl al-ḥusnā*) adalah perdebatan yang harmoni tidak mengandungi unsur paksaan, penindasan serta tidak mengandungi elemen merendahkan serta memperlekehkan lawan debat tersebut. Sehubungan itu, perbezaan pendapat dalam urusan dakwah perlu ditangani dengan bijaksana termasuk debat antara agama yang melibatkan non-Muslim. Ia sepertimana saranan al-Quran menerusi (surah al-ʿAnkabūt, 29:46) maksudnya “Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang yang zalim dalam kalangan mereka...”

Justeru, ketiga-tiga kerangka metodologi dakwah berteraskan *an-nubuwwah* ini bukan sahaja menunjukkan fleksibiliti dan kebijaksanaan dalam berdakwah. Namun ia sebagai asas kepada pembangunan pendekatan dakwah yang lebih komprehensif, terancang dan sesuai terhadap masyarakat majmuk. Sorotan terhadap literatur terdahulu mendapati terdapat pelbagai pendekatan telah dikenal pasti berperanan dalam konteks dakwah kepada masyarakat majmuk terutama sasaran non-Muslim. Antara metodologi *an-Nubuwwah* yang sering diketengahkan dalam kajian-kajian para sarjana termasuklah:

Dakwah bil-hikmah

Menurut Syamsudin (2009) dakwah *bil-hikmah* lebih menunjukkan kesan serta memberikan impak mendalam kepada sasaran. Hal ini kerana pengamalan dan pelaksanaan secara berhikmah lebih menonjolkan akhlak *al-karimah* (akhlak terpuji) dalam kehidupan seharian. Ia sejajar dengan keampuhan akhlak Rasulullah SAW ketika berdakwah kepada masyarakat Arab jahiliyyah. Justeru, *bil-hikmah* menjadi strategi paling berkesan dalam menyampaikan risalah Islam secara damai, berhemah dan menyentuh hati. Begitu juga hasil kajian oleh Mohd Peran et al. (2025) mengenai penerapan elemen *al-hikmah* terhadap saudara baru telah membincangkan terdapat cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mereka selepas memeluk Islam. Ia termasuk tekanan emosi, kesukaran menyesuaikan diri, serta kekurangan sokongan sosial dan pendidikan sehingga menyebabkan saudara baru berasa terpinggir, sehingga segelintir mereka terpaksa Kembali yang kembali kepada agama asal. Menerusi elemen *al-hikmah* dapat membantu pendakwah mendekati mereka yang memerlukan sokongan. Antara lima pendekatan berasaskan *al-hikmah* seperti berkata dengan lemah lembut dan sopan, menyantuni dengan contoh teladan, memahami keadaan dan suasana, menyampaikan ilmu secara berperingkat serta pendekatan *targhib* dan *tarhib* (galakan dan peringatan).

Dakwah bil-hal

Lazimnya para pendakwah mengaitkan dakwah *bil-hal* dengan pepatah arab ini “*lisan al-hal afsah min lisan al-maqal*” bagi menjelaskan konsep *bil-hal* sebagai pendekatan dakwah melalui perbuatan nyata dan tindakan lebih berkesan daripada sekadar ucapan (Ahmad, B., 2024; Abdul Razak & Abdul Rahim, 2018). Merujuk Razak & Abdul Rahim (2024) pendekatan dakwah *bil hal* merangkumi usaha dan aktiviti dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, politik, kepimpinan dan sosial kemasyarakatan. Pelaksanaannya pula boleh dilakukan secara *fardiyyah* (individu) mahupun *jama'ah* (berkumpulan) dengan menampilkan nilai-nilai Islam secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, tindakan dakwah *bil hal* melalui penampilan akhlak dan peribadi yang terpuji. Ia juga dikenali sebagai dakwah *bil-qudwah* iaitu menyeru kepada Islam melalui contoh teladan dalam kegiatan seharian Muslim. Dalam konteks dakwah kepada sasaran non-Muslim, elemen akhlak dianggap sebagai alat utama ketika pendakwah menyampaikan mesej Islam. Oleh yang demikian, para pendakwah perlu sentiasa memperbaiki diri dengan menerapkan nilai-nilai yang murni agama serta membina peribadi mulia sebelum menjadi contoh kepada non-Muslim yang disasarkan. Justeru pendekatan ini diaplikasikan sendiri oleh Rasulullah SAW dengan sentiasa menampilkan akhlak yang luhur walaupun berhadapan golongan yang memusuhi Islam. (Gordani, 2021).

Dakwah bil-mal

Dakwah melalui *mal* iaitu sesuatu pendekatan melalui kebendaan, harta, sumbangan kewangan atau bantuan material bertujuan menyampaikan mesej Islam serta menjadi asbab tarikan kepada sasaran dakwah tersebut. Saranan ini terdapat dalam surah at-Taubah (9:60) yang membicarakan berkenaan ‘*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya...*’ Kajian Eletebi et al., (2024) menerangkan pemberian zakat kepada golongan *mu'allafah qulūbuhum* merupakan salah satu maqasid utama dalam usaha menjinakkan hati golongan non-Muslim (belum Islam) atau mereka yang baru memeluk Islam (mualaf) agar cenderung meminati agama ini. Justeru, pelaksanaan dakwah *bil-mal* yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW tidak hanya bersifat ekonomi, tetapi lebih luas dalam usaha para pendakwah menghubungkan hati dengan Islam. Ia terangkum dalam strategi menyebarkan dakwah, menyusun strategi sosial, politik serta memelihara kestabilan ummah (Zainuddin et al., 2024).

Dakwah bil-lisan

Dari sudut terminologi, para sarjana banyak mendefinisikan dakwah *bil-lisan* sebagai proses penyampaian ajaran atau seruan ke arah kebaikan bermatlamatkan penerimaan serta pengamalan mesej Islam yang disampaikan. Antara seruan utama telah dilaksanakan dalam bentuk dakwah *bil-lisan*, iaitu penyampaian isi kandungan dakwah melalui komunikasi lisan seperti kuliah, ceramah, khutbah, atau interaksi secara langsung antara pendakwah dengan sasaran dakwah (Ahmad, 2019). Sementara itu, pelaksanaan dakwah *bil-lisan* dalam konteks semasa lebih disalurkan dalam bentuk media seperti video, radio, televisyen, internet dan pelbagai lagi. Melalui kaedah audio dan visual menjadi alat bantu paling berkesan dalam menterjemahkan mesej Islam. Menurut Othman et al. (2022) zaman kontemporari kini paling signifikan platform media sosial sebagai medium berkesan untuk menyebarkan dakwah Islam terutama dalam menangani *ghazwul fikr* (perang pemikiran) oleh golongan anti Muslim dan Islam. Oleh itu, masyarakat Islam disaran memanfaatkan media sosial terkini, khususnya Facebook, Instagram, Tiktok dan lain-lain yang mendapat sambutan tinggi dalam kalangan remaja, bagi menyampaikan dakwah secara lebih efektif.

Dakwah bil-qalam

Berdakwah melalui tulisan atau dakwah *bil qalam* bukan suatu kaedah yang baru, kerana ia telah diaplikasikan sejak zaman Rasulullah SAW, seterusnya diwarisi dalam kalangan ulama' sepanjang zaman. Kepentingan peranan penulisan kepada penyampaian mesej telah menyumbang perkembangan ilmu, peradaban serta memberikan banyak manfaat kehidupan. Sehubungan itu, dakwah *bil-qalam* menunjukkan cara penyampaian mesej Islam kepada sasaran dalam bentuk tulisan, sama ada ia tersurat atau tersirat. Namun, ia tidak boleh bertentangan dengan ajaran Islam kerana *bil-qalam* merupakan salah satu bentuk *tabligh* (penyampaian) yang sama seperti dakwah *bil-lisan* dan *bil-hal* (Kasman et al., 2024). Perkembangan teknologi maklumat dan globalisasi meluaskan dunia tanpa sempadan, seterusnya menjadikan medium *bil-qalam* semakin relevan. Jika pada zaman Rasulullah SAW, dakwah dilaksanakan dengan menghantar surat kepada raja dan penguasa, kini kepesatan teknologi moden membantu dakwah berkembang dengan pantas dan berkesan. Contohnya platform yang dijana dalam pelbagai bentuk telah meluaskan penyebaran mesej Islam kepada sasaran dengan cepat dan luas (Abidin et al., 2023).

Berdasarkan metodologi *an-Nubuwwah* yang dibentangkan, jelas menunjukkan rahmah Islam ke atas sasaran non-Muslim tanpa sebarang paksaan bahkan selari dengan kehendak zaman. Hal ini telah dijelaskan dalam asas metodologi dakwah yang disarankan dalam al Quran iaitu surah (an-Nahlu 16:125). Sehubungan itu, para pendakwah wajar memahami konsep *an-nubuwwah* sebagai asas dalam akidah Islam. Hal ini kerana ia berkaitan langsung dengan kepercayaan kepada para nabi dan rasul yang diutuskan untuk membimbing manusia ke jalan yang benar. Justeru, kajian ini berteraskan metodologi dakwah *an-nubuwwah* bagi merangkumkan kaedah atau cara Rasulullah SAW memperkenalkan dakwah Islam kepada non-Muslim. Sebagai panduan hadis disediakan bagi menyuntik motivasi kepada seluruh penggerak dakwah terhadap sasaran non-Muslim di Malaysia. Ia berikutan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari menyatakan bahawa sesiapa yang menyampaikan dakwah kepada golongan non-Muslim dan menjadi asbab kepada kebaikan kepadanya akan mendapat ganjaran yang hebat daripada Allah SWT:

فَوَاللَّهِ، لَأَنْ يُهْدَى بِكَ رَجُلٌ وَاحِدٌ خَيْرٌ لَّكَ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ

Maksudnya: "Demi Allah SWT, apabila ada seorang sahaja yang mendapat petunjuk melalui dirimu, maka itu adalah lebih baik bagimu daripada unta merah (jenis unta yang paling baik)."

(Hadis riwayat al-Bukhari, No. 2942)

Metodologi Kajian

Kajian ini memilih Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) kerana ia merupakan salah satu kaedah yang kerap digunakan bagi mengukur objektif kajian fasa-fasa khususnya dalam penyelidikan jenis *Design and Development Research* (DDR). Menurut Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2024) kaedah FDM amat sesuai digunakan bagi memilih elemen model kerana ia mengatasi kelemahan Kaedah Delphi konvensional serta tidak mudah dipengaruhi keputusannya. Disamping itu, FDM lebih menonjol berbanding Teknik Delphi Konvensional kerana kecekapan kosnya dan keupayaannya mengurus soal selidik dengan lebih berkesan, sementara itu teknik ini turut membenarkan pakar terlibat menyatakan pendapat mereka secara konsisten (Abdul Hamid et al, 2024; Ciptono et al., 2019). Justifikasi pendekatan FDM dipilih dalam kajian ini berasaskan pandangan Murray, Pipino, & Vangigch., 1985; Mohd Ridhuan et al. (2017) yang menekankan FDM sesuai untuk mendapatkan konsensus pakar secara sistematik. Hal ini

kerana hasil FDM dapat mengurangkan unsur subjektiviti dengan menggunakan nombor *triangular fuzzy* bagi menilai tahap kesepakatan. Pandangan yang pelbagai oleh semua pakar boleh ditukar kepada bentuk matematik yang lebih objektif, serta memudahkan analisis dapatan. Sehubungan itu, kajian melihat pendekatan FDM membolehkan pengkaji menyaring, menilai serta mengesahkan konstruk dan elemen yang signifikan dalam model yang akan dibangunkan. Bagi memastikan konsistensi yang tinggi, FDM memerlukan sekurang-kurangnya 10 orang peserta yang terdiri daripada pakar (Adler & Ziglio, 1996; Jones & Twiss, 1978; Mohd Ridhuan et al., 2024). Oleh itu, kajian ini telah memilih 15 orang pakar dalam membangunkan item yang bersesuaian dalam dakwah non-Muslim berteraskan metodologi *an-Nubuwwah*.

Responden kajian

Sampel terdiri daripada pakar akademik dalam bidang dakwah serta pengurus NGO-i, kesemua pakar dalam bidang akademik memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana dan berpengalaman minimum lima tahun dalam bidang yang berkaitan. Manakala pakar dalam NGO-i pula terdiri daripada pengurus atau pengerak NGO-i yang aktif melebihi lima tahun di Malaysia. Merujuk Pill (1971) sewajarnya pakar yang dipilih perlu memiliki latar belakang atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana pemilihan pakar yang tepat dan sesuai akan selari dengan keperluan kajian, di samping ia membolehkan pengkaji menilai semula penghakiman awal secara kritis untuk mencapai konsensus dalam kalangan pakar. Begitu juga pandangan Berliner, 2004; Gambatese et al., (2008) dalam menentukan gelaran pakar dalam sesuatu bidang lazimnya dicapai selepas atau lebih daripada lima tahun pengalaman serta mempunyai kelayakan akademik atau bidang kepakaran. Sehubungan itu, kajian ini melibatkan seramai 15 orang pakar terdiri daripada individu, badan bukan kerajaan Islam (NGO-i), pegawai jabatan agama, serta ahli akademik.

Jadual 1 : Profil Pakar Kajian

Profil Pakar Yang Terlibat	
Bil	Pengalaman / Kepakaran
Pakar 1	Pengarah Urusan, Danial Zainal Consultancy (M) Sdn. Bhd. Berpengalaman selama 50 tahun dalam dakwah Malaysia
Pakar 2	Ketua Dakwah, Islamic Information & Services Foundation (IIS) Berpengalaman selama 44 tahun dalam NGO di Malaysia
Pakar 3	Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (UKM) dengan pengalaman 30 tahun dalam bidang dakwah dan bimbingan saudara baru.
Pakar 4	Profesor, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dengan pengalaman 28 tahun dalam pembangunan dakwah masyarakat asli peribumi
Pakar 5	Pengasas Kaedah Al-Quran Haraki, Syarikat Usrah Haraki Sdn Bhd. Dengan pengalaman selama 25 tahun berdakwah kepada saudara baru
Pakar 6	Prof. Madya, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dengan pengalaman selama 22 tahun dalam pengurusan dakwah mualaf dan etnik

Pakar 7	Ketua Eksekutif, Allied Coordinating Council of Islamic NGOs - ACCIN Berpengalaman selama 20 tahun dalam dakwah dan NGO-i di Malaysia
Pakar 8	Pengarah Jabatan <i>Outreach</i> , Hidayah Centre Foundation (HCF), Pengasas kaedah ASARA-PK, dengan pengalaman selama 20 tahun dalam NGO dakwah
Pakar 9	Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Hidayah Centre Foundation (HCF), Berpengalaman selama 20 tahun dalam NGO dakwah
Pakar 10	Pengarah Urusan, NGO HIKMAH Sarawak Berpengalaman selama 16 tahun dalam NGO dakwah masyarakat pedalaman
Pakar 11	Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dengan pengalaman selama 15 tahun dalam pembangunan dakwah masyarakat Asli peribumi
Pakar 12	Pembantu Mubaligh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Berpengalaman selama 15 tahun dalam NGO dakwah di bawah naungan JAKIM
Pakar 13	Pengarah, Pusat Kajian Etnik Orang Asli, Universiti Islam Selangor (UIS) Berpengalaman selama 10 tahun dalam pembangunan dakwah masyarakat Asli peribumi
Pakar 14	Pegawai Dakwah, HIKMAH Sibui, Sarawak, Dengan pengalaman selama 10 tahun dalam NGO yang menjalankan dakwah di kawasan pedalaman Sarawak dan luar
Pakar 15	Exco Dakwah dan Tarbiyah, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), dengan pengalaman selama 5 tahun dalam NGO dakwah

Sumber : Pengkaji 2025

Analisis data

Analisis kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) merupakan gabungan antara prinsip kaedah *delphi* tradisional dan teori set kabur untuk menangani unsur ketidakpastian dan kekaburan dalam proses membuat keputusan berasaskan pandangan pakar. Sementara itu elemen penomboran *fuzzy* (*Triangular Fuzzy Numbers*) digunakan untuk mewakili penilaian subjektif pakar bagi mengatasi ketidaktepatan dan kekaburan dalam kaedah *delphi* tradisional (Murray et al., 1985; Hu, Jiang, Goswami, & Zhao, 2024). FDM turut mengalami proses inovasi yang melibatkan tiga syarat berikut i) nilai ambang (*threshold*, d), ii) pengiraan peratusan konsensus kumpulan pakar dan iii) penunjuk skor *fuzzy* (A) dalam melihat konsensus kumpulan pakar untuk membuat keputusan. Seterusnya hasil data dianalisis melalui templat analisis *Fuzzy Delphi Analysis Template* atau FDMv2.0 telah menjana dapatan data secara sistematik dan berkesan. Berikut adalah sembilan langkah analisis data daripada kumpulan pakar menggunakan templat analisis FDMv2.0 melalui perisian *microsoft excel* yang telah dibangunkan oleh Mohd Ridhuan et al. (2023;2024).

1. Menentukan bilangan pakar terpilih yang terlibat dalam kajian (15 orang pakar)
2. Memilih skala likert berdasarkan objektif kajian (7 mata skala likert)
3. Memasukkan nilai skala likert yang telah dipilih oleh pakar ke dalam templat FDMv2.0

4. Menunjukkan proses penukaran daripada skala likert ke skala *fuzzy* dalam templat analisis FDMv2.0
5. Menunjukkan proses pengiraan nilai ambang (*threshold*, *d*) adalah (syarat pertama) yang dikira oleh templat FDMv2.0. Nilai *threshold d* bagi sesuatu item adalah tidak melebihi 0.2 iaitu 2 sehingga 6.
6. Memasukkan bilangan pakar yang terlibat ke dalam kotak merah yang dikira oleh templat FDMv2.0.
7. Menunjukkan paparan nilai peratusan kesepakatan pakar (syarat kedua) yang dikira oleh templat analisis FDMv2.0. Nilai peratusan penerimaan perlu melebihi 75%.
8. Menunjukkan proses pengiraan nilai skor *fuzzy* (*A*) (syarat ketiga) yang dikira oleh templat analisis FDMv2.0.
9. Memaparkan hasil dapatan analisis menggunakan templat FDMv2.0.

Kelebihan menggunakan inovasi templat analisis FDMv2.0 bagi kaedah FDM dilihat mampu membantu melancarkan proses analisis secara empirikal dan sistematik. Selain itu, templat ini turut berupaya membantu data diproses dan diterjemahkan secara menyeluruh berdasarkan syarat-syarat utama dalam kaedah FDM iaitu nilai ambang (*threshold*, *d*) peratusan kesepakatan pakar (>75%) serta nilai skor *fuzzy* (*A*). Ketepatan proses pengiraan dalam templat ini menggunakan nilai hingga tiga titik perpuluhan, ia sejajar dengan keperluan nombor *fuzzy* yang berada dalam julat 0.000 hingga 0.999 $\approx$ 1.000 (Mohd Ridhuan et al., 2023).

Dapatan Dan Perbincangan

Setelah data kumpulan pakar melalui proses analisis templat FDMv2.0, berikut merupakan dapatan item atau elemen yang dikenalpasti berkaitan lima (5) konstruk metodologi *an-Nubuwwah* iaitu *Konstruk A : Metodologi Dakwah Bil Hikmah*, *Konstruk B : Metodologi Dakwah Bil Hal*, *Konstruk C : Metodologi Dakwah Bil Mal*, *Konstruk D : Metodologi Dakwah Bil Lisan* dan *Konstruk E : Metodologi Dakwah Bil Qalam*.

Jadual 2: Keputusan Pemilihan Item/Elemen Yang Terkandung Dalam Konstruk A. Metodologi Dakwah Bil-Hikmah

B i l	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Fuzzy Evaluation Process				Kesepaka tan Pakar	Elemen DI TERIM A	R a n k i n g
		Nilai Thres hold, d	Peratus Kesepa katan Kumpul an Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Menghindari salah faham dengan memahami kepelbagaian kebudayaan dalam masyarakat	0.169	93.3%	0.727	0.880	0.960	0.856	TERIMA	0.856	8
2	Menghindari salah faham dengan memahami pratikal kepercayaan masyarakat	0.136	100.0%	0.727	0.887	0.973	0.862	TERIMA	0.862	6
3	Menggunakan bahasa komunikasi masyarakat setempat bagi memudahkan komunikasi berlaku	0.138	93.3%	0.780	0.920	0.973	0.891	TERIMA	0.891	3
4	Menggunakan bahasa bicara seperti bahasa Mandarin, Inggeris, Tamil dll. yang difahami oleh sasaran dengan baik bagi memperkuat pemahaman	0.196	93.33%	0.740	0.880	0.953	0.858	TERIMA	0.858	7
5	Menyebarkan mesej nilai sejagat dalam Islam seperti keadilan, belas kasihan dan perpaduan	0.094	93.33%	0.793	0.940	0.993	0.909	TERIMA	0.909	1
6	Mengadakan kerjasama dengan pemimpin NGO non-Muslim untuk meluaskan jangkauan sasaran	0.143	100.00 %	0.740	0.893	0.973	0.869	TERIMA	0.869	5
7	Mengadakan kerjasama dengan ketua agama (non-Muslim) bagi mengukuhkan sokongan	0.148	100.00 %	0.753	0.900	0.973	0.876	TERIMA	0.876	4
8	Memilih pendekatan paling relevan dengan keperluan yang dihadapi oleh sasaran non-Muslim konteks Malaysia	0.111	100.00 %	0.780	0.927	0.987	0.898	TERIMA	0.898	2

Sumber : Pengkaji 2025

Jadual 2 di atas menunjukkan hasil undian daripada pakar melalui FDM mengenai konstruk A iaitu metodologi *bil-hikmah*. Terdapat lapan elemen yang disenaraikan dalam konstruk A kesemua elemen diterima dan ia menunjukkan kesepakatan tinggi oleh kesemua pakar terlibat. Bagi susunan kedudukan pula, elemen ‘menyebarkan mesej nilai sejagat dalam Islam seperti keadilan, belas kasihan dan perpaduan’ dengan nilai 0.909 skor *fuzzy* (A) telah dinilai tinggi oleh para pakar bagi melaksanakan dakwah terhadap golongan non-Muslim di Malaysia.

**Jadual 3 : Keputusan Pemilihan Item/Elemen Yang Terkandung Dalam Konstruk B.
Metodologi Dakwah Dakwah Bil -Hal**

B i l	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Fuzzy Evaluation Process				Kesepa katan Pakar	Elemen DITERI MA	R A N K I N G
		Nilai Thres hold, d	Peratus Kesepakat an Kumpula n Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Mengamalkan al-Qudwah al-Hasanah ketika berinteraksi dengan sasaran non-Muslim	0.063	93.3%	0.860	0.973	0.993	0.942	TERIMA	0.942	1
2	Memilih kata-kata yang tepat dan sesuai dengan kondisi sasaran	0.089	93.3%	0.820	0.953	0.993	0.922	TERIMA	0.922	3
3	Mengambil berat dengan memenuhi keperluan kesihatan sasaran	0.191	93.3%	0.660	0.827	0.940	0.809	TERIMA	0.809	7
4	Mengambil berat dengan memenuhi keperluan infrastruktur di kediaman sasaran	0.233	86.67%	0.620	0.787	0.907	0.771	TERIMA	0.771	8
5	Membina hubungan yang baik dengan mengadakan program kemasyarakatan melalui gotong-royong	0.136	100.00%	0.727	0.887	0.973	0.862	TERIMA	0.862	6
6	Membina hubungan yang baik dengan ziarah-menziarahi ke rumah sasaran	0.112	86.67%	0.793	0.933	0.987	0.904	TERIMA	0.904	4
7	Menghormati perbezaan dengan mengamalkan toleransi antara budaya yang berbeza	0.131	93.33%	0.753	0.907	0.973	0.878	TERIMA	0.878	5
8	Menunjukkan konsistensi sebagai muslim yang taat dalam beragama dengan mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian	0.063	93.33%	0.860	0.973	0.993	0.942	TERIMA	0.942	1
9	Mengimplementasikan perkahwinan campur dalam masyarakat berbilang kaum	0.258	80.00%	0.513	0.693	0.840	0.682	TERIMA	0.682	9

Sumber : Pengkaji 2025

Jadual 3 di atas menunjukkan hasil undian daripada pakar melalui FDM mengenai konstruk B iaitu metodologi *bil-hal*. Terdapat sembilan elemen yang disenaraikan dalam konstruk B dan kesemua elemen diterima dan ia menunjukkan kesepakatan tinggi oleh kesemua pakar terlibat. Bagi susunan kedudukan pula, elemen ‘mengamalkan *al-Qudwah al-Hasanah* ketika berinteraksi dengan sasaran non-Muslim’ dan ‘menunjukkan konsistensi sebagai Muslim yang taat dalam beragama dengan mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian’ telah memperoleh kedudukan pertama dengan memperolehi skor *fuzzy* sebanyak 0.942. Kesepakatan ini diperolehi daripada 15 orang pakar terlibat bagi melaksanakan dakwah terhadap golongan non-Muslim di Malaysia.

**Jadual 4 : Keputusan Pemilihan Item/Elemen Yang Terkandung Dalam Konstruk C.
Metodologi Dakwah Dakwah *Bil Mal***

B i l	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepak atan Pakar	Elemen DITER IMA	R A N K I N G
		Nilai <i>Thres hold, d</i>	Peratus Kesepak atan Kumpul an Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy</i> (4)			
1	Mengaplikasikan kaedah filantropi (sedekah, infaq, kebajikan dll) untuk membantu individu non-Muslim yang memerlukan	0.174	93.3%	0.740	0.887	0.960	0.862	TERIMA	0.862	1
2	Mengaplikasikan kaedah filantropi (sedekah, infaq, kebajikan dll) untuk membantu masyarakat komuniti non-Muslim yang memerlukan	0.174	93.3%	0.740	0.887	0.960	0.862	TERIMA	0.862	1
3	Mengagihkan sebahagian zakat kepada golongan non-Muslim yang cenderung hati kepada Islam	0.221	86.7%	0.660	0.820	0.927	0.802	TERIMA	0.802	4
4	Memberikan pinjaman tanpa faedah (<i>Qard al-Hasan</i>) kepada individu yang memerlukan untuk membantu mereka mengatasi kesukaran kewangan.	0.243	40.00%	0.593	0.760	0.887	0.747	TOLAK		
5	Memberikan hadiah atau pemberian secara individu yang memerlukan	0.133	100.00%	0.673	0.853	0.967	0.831	TERIMA	0.831	3
6	Memberikan hadiah atau pemberian kepada organisasi yang memerlukan untuk membantu mereka melaksanakan matlamat kebajikan	0.165	73.33%	0.567	0.753	0.907	0.742	TOLAK		
7	Menaja program-program kebudayaan yang tidak melibatkan prinsip ketuhanan dalam agama mereka	0.263	66.67%	0.487	0.667	0.820	0.658	TOLAK		

Sumber : Pengkaji 2025

Jadual 4 di atas menunjukkan hasil undian daripada pakar melalui FDM mengenai konstruk C iaitu metodologi *bil-mal*. Terdapat 7 elemen yang disenaraikan dalam konstruk C dan 4 elemen diterima dan 3 elemen ditolak oleh pakar terlibat. Item terbaik dicatat dalam kiraan nilai ambang (*threshold d*) adalah elemen ‘memberikan hadiah atau pemberian secara individu yang memerlukan (Bil. 5). Item ini telah menunjukkan konsensus tertinggi selaras dengan 100% pakar bersetuju. Sementara itu, terdapat 3 elemen melebihi *threshold 0.2* (Bil. 3, 4, 7) namun elemen ke 3 diterima kerana peratus kesepakatan masih tinggi (86.7%), walaupun nilai $d > 0.2$. Namun elemen ke 4 dan 7 telah ditolak kerana nilai $d > 0.2$ serta mendapat peratusan kesepakatan pakar di bawah 75%. Dalam konstruk metodologi *bil-mal* ini elemen yang mendapat kesepakatan pakar dengan nilai peratusan kurang dari 75% iaitu 40% (Bil 4), 66.67% (Bil 7) dan 73.33% (Bil 6) tidak mencapai syarat peratusan (75%) bermaksud tidak memenuhi syarat ketiga dalam FDM iaitu tidak mendapat kesepakatan pakar terhadap item tersebut. Cadangan pengkaji bagi menilai konstruk C ini terutama item yang melebihi nilai $threshold > 0.2$ (Bil 3, 4, 7) memerlukan perhatian semula terhadap mesej dakwah yang membentuk persepsi kurang baik terhadap keberkesannya sebagai pendekatan dakwah sasaran non-Muslim di Malaysia.

Jadual 5 : Keputusan Pemilihan Item/Elemen Yang Terkandung Dalam Konstruk D. Metodologi Dakwah Dakwah *Bil Lisan*.

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Fuzzy Evaluation Process				Kesepakan Pakar	Elemen DITERIMA	RANKING
		Nilai Thresh hold, d	Peratus Kesepak atan Kumpul an Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Pendekatan media konvensional seperti ceramah, kuliah, khutbah, forum serta wacana ilmiah bagi membincangkan topik-topik agama serta soal jawab secara formal	0.263	73.3%	0.633	0.793	0.900	0.776	TOLAK		
2	Penggunaan medium media baharu seperti tiktok, instagram, blog, facebook, twitter, podcast, youtube dan video online untuk menyampaikan pesan agama kepada khalayak yang lebih luas.	0.093	93.3%	0.807	0.947	0.993	0.916	TERIMA	0.916	1
3	Pelaksanaan diskusi agama dalam bentuk dialog harmoni antara agama yang diwakili oleh ketua agama masing-masing	0.198	93.3%	0.700	0.853	0.947	0.833	TERIMA	0.833	5
4	Pelaksanaan street dakwah di tempat terbuka dan umum untuk membincangkan topik-topik agama dan isu semasa serta soal jawab secara informal	0.256	80.00%	0.620	0.787	0.900	0.769	TERIMA	0.769	7
5	Pelaksanaan <i>street</i> dakwah di tempat terbuka dan umum sebagai medan membincangkan soal jawab bersama non-Muslim secara informal	0.239	86.67%	0.660	0.820	0.920	0.800	TERIMA	0.800	6
6	Pelaksanaan aktiviti 'Masjid Tour' untuk mempromosikan persefahaman antara agama dan budaya	0.108	100.00%	0.767	0.920	0.987	0.891	TERIMA	0.891	2
7	Pelaksanaan aktiviti 'Masjid Tour' untuk mengukuhkan hubungan antara agama di Malaysia	0.108	100.00%	0.767	0.920	0.987	0.891	TERIMA	0.891	2
8	Pelaksanaan aktiviti 'Masjid Tour' untuk mempromosikan dialog antara agama	0.196	86.67%	0.713	0.867	0.947	0.842	TERIMA	0.842	4

Sumber : Pengkaji 2025

Jadual 5 di atas menunjukkan hasil undian daripada pakar melalui FDM mengenai konstruk D iaitu metodologi *bil-lisan*. Terdapat 8 elemen yang disenaraikan dan hanya satu elemen tertolak kerana tidak mencapai kesepakatan pakar iaitu % 73.3% kurang dari 75 %. Elemen yang tidak dipersetujui adalah 'pendekatan media konvensional seperti ceramah, kuliah, khutbah, forum serta wacana ilmiah bagi membincangkan topik-topik agama serta soal jawab secara formal (Bil.1). Manakala 7 elemen yang lain mendapat kesepakatan pakar dengan nilai peratusan lebih dari 75% iaitu bermula dari 80% sehingga 100%. Cadangan pengkaji bagi menilai konstruk D ini adalah melalui bil-Lisan, pendekatan dakwah terhadap sasaran non-Muslim perlu bersifat dua hala. Hal ini kerana pendekatan konvensional lebih berkesan kepada sasaran dakwah *Islahiyyah* yang banyak menggunakan istilah seperti aqidah syariah, ibadah atau fiqh yang sukar difahami oleh non-Muslim. Begitu juga bagi kebanyakan pendekatan ceramah, kuliah atau khutbah telah disusun untuk umat Islam bagi menjelaskan persoalan syariah, hukum, ibadah atau isu dalaman umat Islam. Jadual di atas juga menunjukkan pelaksanaan aktiviti 'masjid tour' (Bil. 6,7,8) lebih banyak disokong oleh pakar terlibat. Justeru bagi sasaran dakwah kepada non-Muslim, pengkaji mencadangkan pendekatan dialog harmoni, merasai empati sosial serta berinteraksi dalam bahasa yang mudah difahami.

Jadual 6 : Keputusan Pemilihan Item/Elemen Yang Terkandung Dalam Konstruk E. Metodologi Dakwah Dakwah *Bil Qalam*.

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Fuzzy Evaluation Process				Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	RANKING
		Nilai Threshold	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Penulisan buku mengenai topik-topik agama Islam seperti tafsir al-Quran, hadis, fiqh, sejarah Islam dan lain-lain	0.179	93.3%	0.700	0.860	0.953	0.838	TERIMA	0.838	4
2	Penulisan artikel keagamaan dalam sisipan akhbar dengan membahas isu-isu semasa mengenai Islam	0.154	100.0%	0.713	0.873	0.967	0.851	TERIMA	0.851	3
3	Penulisan artikel keagamaan dalam sisipan akhbar memberikan pemahaman yang lebih baik tentang Islam.	0.169	93.3%	0.727	0.880	0.960	0.856	TERIMA	0.856	2
4	Penulisan di media sosial dengan menulis hantaran (<i>posting</i>) mengenai topik Islam yang memberi inspirasi dan pengetahuan agama kepada pengikut (<i>followers</i>)	0.136	100.00%	0.727	0.887	0.973	0.862	TERIMA	0.862	1
5	Penulisan melalui karya sastera (puisi, novel, kesenian dll) untuk mempromosikan nilai-nilai Islam	0.166	100.00%	0.633	0.807	0.940	0.793	TERIMA	0.793	6
6	Penulisan melalui karya sastera (puisi, novel, kesenian dll) untuk memberikan kefahaman mengenai ajaran Islam	0.194	93.33%	0.647	0.813	0.933	0.798	TERIMA	0.798	5
7	Penulisan surat dengan mengirim kepada individu untuk menyampaikan nasihat mengenai agama Islam	0.292	46.67%	0.580	0.753	0.873	0.736	TOLAK		
8	Penulisan surat dengan mengirim kepada masyarakat non-Muslim untuk memberikan informasi mengenai Islam	0.292	46.67%	0.580	0.753	0.873	0.736	TOLAK		

Sumber : Pengkaji 2025

Jadual 6 di atas menunjukkan hasil undian daripada pakar melalui FDM mengenai konstruk E iaitu metodologi *bil-qalam*. Terdapat 8 elemen yang disenaraikan dan dua elemen tertolak kerana tidak mencapai kesepakatan pakar iaitu 46.67% kurang dari 75 %. Dua elemen yang tidak dipersetujui (Bil.7 dan 8) memaparkan medium penulisan surat sama ada kepada individu mahu pun masyarakat non-Muslim. Cadangan pengkaji bagi menilai konstruk E terhadap dakwah kepada sasaran non-Muslim adalah pendakwah perlu mengelak daripada menggunakan pendekatan peribadi. Contohnya seperti mengirimkan surat secara individu mahu pun kepada kaum tertentu kerana berisiko ditafsir sebagai cubaan provokatif atau mengganggu privasi.

Kesimpulan

Dakwah terhadap sasaran non-Muslim menjadi kesinambungan dan matlamat dakwah para *an-nubuwwah* dalam meyeru kepada agama tauhid. Dalam konteks golongan non-Muslim di Malaysia memerlukan nilai hikmah yang dapat menanamkan kasih sayang serta kefahaman mendalam mengenai Islam. Hasil pembinaan elemen model ini dibangunkan berteraskan metodologi *an-nubuwwah* bagi mengaplikasikan suatu model komprehensif berasaskan sirah para *anbiya'* terutama Rasulullah SAW. Sehubungan itu, pembinaan elemen-elemen model ini dibangunkan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) yang melibatkan seramai 15 orang pakar dan kesemua mereka berpengalaman dalam bidang dakwah. Justeru, setiap elemen yang dibangunkan diharap dapat menjadi asas panduan dakwah kepada sasaran non-Muslim. Seterusnya panduan ini menjadi manual kepada penggerak dakwah sama ada peringkat NGO Dakwah (NGO-i), Jabatan Agama mahu pun perseorangan dalam usaha menyampaikan mesej Islam dengan tepat dan berkesan khususnya terhadap non-Muslim yang hidup dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyelia khususnya Profesor Dr. S. Salahudin Suyurno, Dr. Amiratul Munirah Yahaya dan Ts. Dr. Mohd Ridhuan Mohd Jamil atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang tidak ternilai bagi menyiapkan artikel ini. Kepakaran serta komitmen mereka telah banyak membantu penulis dalam memperkukuh hala tuju kajian ini. Artikel kajian ini juga bagi memenuhi syarat keperluan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Islam di ACIS, UiTM.

Rujukan

- Abduh, M. (2012). Meneladani Kesabaran dan Ketabahan Rasul Ulul ‘Azmi dalam Berdakwah, dalam *Eksplorasi terhadap Paradigma Penyebaran Islam Para Rasul ‘Ulul Azmi*, ms. 97–117. <https://doi.org/10.18592/alhadharah.v11i22.1775>
- Abduh, M., & Rida, R. (1905–1935). *Tafsīr al-Manār*. Cairo: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Abdul Razak, A. A., & Abdul Rahim, M. H. (2018). Falsafah dakwah bil hal: Menurut perspektif al-Qur’an. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 9(1).
- Ahmad, B. (2024). Strategi dan cabaran da’wah bi al-qudwah al-hasanah. Dalam *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2024*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, F. A. Z. (2019). *Metode dakwah bil lisan* [Makalah untuk Mata Kuliah Metodologi Dakwah]. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Al-Bukhari, M. I. I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (Ṣ. ibn Ḥ. al-Qushayrī, Syarḥ). Riyadh: Dār Ṭawq al-Najāh. Hadis no. 2942.
- Al-Qaradawi, Y. (1990). *al-Sahwah al-Islamiyyah bayna al-Juhūd wa al-Tatarruf*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradhawi, Y. (1998). *Fiqh al-Da’wah*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, M. A. A. (2006). *Al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān* (Vols. 1–20). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1998). *Uṣul al-Da’wah*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Asad, M. (1980). *The Principles of State and Government in Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Azizan Baharudin, Z., Zaid Ahmad, & Ahmad Tarmizi Talib, et al. (2014). *Laporan Penyelidikan Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Malaysia*.
- Che Hasanusi, C. N., & Osman, K. (2022, 14–15 Julai). Manhaj dan strategi dakwah Nabi Ibrahim AS dalam al-Qur’an. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2022: Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. (2025, 31 Julai). *Current Population Estimates Malaysia, 2025*. Department of Statistics Malaysia. https://www.statistics.gov.my/portal-main/release-document-log?release_document_id=15326
- Gordani, N. B. (2021). Konsep da’wah bil hal melalui pendekatan dialog Nabi Muhammad SAW kepada bukan Muslim. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(2), 33–39. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.2.4.2021>
- Hendra, T. (2021). Etika komunikasi dalam berdakwah. *Hikmah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi Islam*, 15(1), 95–108. <https://doi.org/10.24952/hik.v15i1.3225>
- Hu, H., Jiang, S., Goswami, S. S., & Zhao, Y. (2024). Fuzzy integrated Delphi–ISM–MICMAC hybrid multi-criteria approach to optimize the artificial intelligence (AI) factors influencing cost management in civil engineering. *Information (Switzerland)*, 15(5), 280 <https://doi.org/10.3390/info15050280>
- Ibnukatsironline. (2015). *Tafsir surat al-Anbiya ayat 105–107*. <http://www.ibnukatsironline.com/2015/07/tafsir-surat-al-anbiya-ayat-105-107.html>
- received on 05 Julai 2025

- Ismail, N. binti, Zain, A. E. M., Nasirudin, N. D., & Kamis, M. H. (2018). Pendekatan Fiqh Ta'ayusy dalam menangani konflik antara agama. *Islamiyyat*, 40(2), 151–160. 10.17576/islamiyyat-2018-4002-07
- Kasman, S., Wahyudi, N., & Safri, M. Y. (2024). Komparasi dakwah bi al-qalam pada masa kenabian dan masa kekinian. *Jurnal Shoutika*, 4(1).<https://doi.org/10.46870/jkpi.v4i1.950>
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/6330>
- Malaysia Gazette. (2025, 20 Mac). *Jangan buat naratif 'roboh kuil, bina masjid'* – Jakel. Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2025/03/20/jangan-buat-naratif-roboh-kuil-bina-masjid-jakel/>
- Mat Johar, M. H., Ibrahim, A. F., Badhrulhisham, A., Dzul Karnain, M. F. S., & Meerangani, K. A. (2021). Penerimaan masyarakat non-Muslim terhadap aktiviti dakwah Islamiyyah: Kajian di Negeri Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 4(1), 94–105. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/930>
- Mohamad, A., Wan Ali, W. Z. K., Ghazali, A., Chang, L. W., & Zainol, R. (2023). Interreligious dialogue in Malaysia: Issues of its implementation. *KATHA-The Official Journal of the Centre for Civilisational Dialogue*, 19(1), 1–13. <https://doi.org/10.22452/KATHA.vol19no1.1>
- Mohd Peran, M. J., Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, & Zulkefli Aini. (2025). Penerapan elemen al-Hikmah terhadap saudara baru di Malaysia menerusi organisasi Islam. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 5(1).
- Muhammad Al-Ghazali. (2000). *A Thematic Commentary on the Qur'an* (h. 291). Herndon: The International Institute of Islamic Thought.10.2307/j.ctvh4zgz9
- Murray, T. J., Pipino, L. L., & van Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human Systems Management*, 5(1), 76–80. <https://doi.org/10.3233/HSM-1985-5111>
- Othman, M. Y., Abdul Ghani, M. Z., Wan Abdullah, W. H., & Ibrahim, A. Q. (2022). Gaya dakwah bil-lisan pendakwah bebas di Instagram melalui video pendek. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 273–287.<https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.675>
- Pill, J. (1971). The Delphi method: Substance, context, a critique and an annotated bibliography. *Socio-Economic Planning Sciences*, 5(1), 57–71.
- Razak, A. A., & Abdul Rahim, M. H. (2024). Dakwah bil hal dalam konteks masyarakat semasa di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5)<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2842>
- Ridhuan, M. J. M., Syaubari, O. M., & Nurulrabihah, M. N. (2023). Evolution of the fuzzy Delphi analysis template (FDMv2.0) development for impact studies. *AIP Conference Proceedings*, 2750(1), Article 040048. 10.1063/5.0150051
- Ridhuan, M. J. M., Syaubari, O. M., & Nurulrabihah, M. N. (2024). Evolution of the fuzzy Delphi analysis template (FDMv2.0) development for impact studies. *AIP Conference Proceedings*, 2750(1), 0–7.<https://doi.org/10.1063/5.0150051>
- Sabdin, M., & Zulkefli, M. I. I. (2023). The relationship between religious knowledge, religious personality and inter-ethnic tolerance among Malaysian undergraduate students. In *Proceedings of the International Conference on Environmental, Social and Governance* (KnE Social Sciences, pp. 336–348). KnE Publishing.
- Saenal Abidin, Musafir Pababbari, & Nila Sastrawati. (2023). Relasi agama dan teknologi: Strategi dakwah kontemporer. *Shoutika*, 3(2), 1–11.<https://doi.org/10.46870/jkpi.v3i2.615>

- Said, N. M. (2015). Metode dakwah (Studi al-Qur'an Surah an-Nahl ayat 125). *Jurnal Dakwah Tabligh*, 16(1), 78–89. <https://doi.org/10.24252/jdt.v16i1.6109>
- Salleh, M. S. (2007). *Pengantar Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shihab, M. Q. (2002). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, kesan dan keserasian al-Qur'an* (Vol. 7). Bandung: Lentera Hati.
- Sinar Harian. (2019,15 Julai) Kelantan lantik orang asli jadi pendakwah, <https://www.sinarharian.com.my/article/37955/edisi/kelantan/kelantan-lantik-orang-asli-jadi-pendakwah>
- Sinar Harian. (2024, 17 Februari). *Lebih 2,000 penduduk bantah bina kuil di Taman Koperasi Cuepacs*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/650058/edisi/selangor-kl/lebih-2000-penduduk-bantah-bina-kuil-di-taman-koperasi-cuepacs>
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, & Mohamed Anwar Omar Din. (2017). Islam Agama Bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan, *Akademika*, 87(3), 179-195. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Daud, W. M. N. (2013). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali. (1990). *Konsep al-Nubuwwah dalam al-Qur'an* (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
- Zainuddin, N. A., Hashim, N. S., Mohd Rodzi, N. K., Khoya, M. A., (2024). Issues and challenges of non-Muslim da'wah through zakat implementation in State of Perlis. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(32). <https://gaexcellence.com/ijlgc/article/view/2304>
- Zulkefli, M. I. I., Endut, M. N. A., & Abdullah, M. R. T. L. (2021). Religious harmony among multi-religious society in Perak, Malaysia: A preliminary study. *SHS Web of Conferences*, 124, 02003. <https://doi.org/10.1051/shsconf/202112402003>